

MANIFESTASI FONOLOGI BAHASA MELAYU STANDARD TERHADAP PERUBAHAN KONSONAN DALAM NYANYIAN LAGU MELAYU ASLI

*(The Phonological Manifestation of Standard Malay Towards
Consonant Changes in Malay Asli Songs)*

Khairul Faiz Alimi
kfalimi@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia,
06010, Sintok, Kedah, Malaysia

Tajul Aripin Kassin
tajul@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Disember 2018

Sila rujuk: Khairul Faiz Alimi & Tajul Aripin Kassin. (2018).
Manifestasi fonologi bahasa Melayu standard terhadap perubahan
konsonan dalam nyanyian lagu Melayu asli. *Jurnal Bahasa* 18(2),
253-285.

Abstrak

Makalah ini mengkaji lagu Melayu asli untuk mengenal pasti proses fonologi yang terdapat dalam nyanyian. Kajian atau huraian ciri-ciri bahasa dalam nyanyian lagu Melayu asli amatlah berkurangan dan masih tidak jelas. Oleh itu, sebanyak sepuluh buah lagu Melayu asli telah dijadikan sebagai data kajian dan menjalani proses alih bentuk daripada bentuk fail MP3 kepada bentuk teks menerusi proses transkripsi fonetik. Penelitian memberikan tumpuan terhadap

proses fonologi yang melibatkan segmen konsonan dan diuraikan dengan berpandukan teori Fonologi Generatif Linear (Chomsky & Halle, 1968). Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian proses fonologi yang terkandung dalam lagu Melayu Asli ialah cerminan atau manifestasi bahasa Melayu Standard dalam nyanyian. Nyanyian lagu Melayu asli mematuhi proses fonologi bahasa Melayu standard seperti pengglotisan, asimilasi nasal, pengguguran obstruen tak bersuara, pengguguran nasal, penyisipan farinks dan penyisipan geluncuran. Selain itu, pengguguran likuida getaran didapati tidak terlaksana dalam nyanyian lagu Melayu asli kerana penyanyi tidak menggugurkan likuida getaran /r/ pada posisi koda. Hal berkenaan menunjukkan bahawa nyanyian lagu Melayu Asli mengingkari rumus pengguguran likuida getaran yang terdapat dalam bahasa Melayu standard yang bersifat pilihan.

Kata kunci: fonologi, proses fonologi, bahasa Melayu standard, lagu Melayu Asli

Abstract

This paper examines Malay Asli songs to determine the underlining phonological processes in singing. This is due to the fact that the elucidation of linguistic features in the Malay Asli songs remains scarce and unclear. For the purpose of this study, ten Malay Asli songs were selected as the data, which were then phonetically transcribed from their MP3 format into text. The study places emphasis on the phonological processes concerning consonant segments. These were elaborated based on the theory of Generative Linear Phonology (Chomsky & Halle, 1968). The results indicated that a few of the underlining phonological processes in the singing of the Malay asli songs are a reflection or manifestation of standard Malay language. The singing corresponded to the phonological processes of standard Malay language, which include glottalisation, nasal assimilation, voiceless obstruent deletion, nasal deletion, pharyngeal insertion and glide insertion. In addition, there was an absence of lateral trill deletion in the singing, as all of the singers retained the lateral trill /r/ in coda position. This shows that the singing of the Malay Asli songs violates the lateral trill deletion rule, which is an optional rule in standard Malay language utterance.

Keywords: phonology, phonological process, standard Malay, Malay asli songs

PENDAHULUAN

Seni lagu dan nyanyian Melayu sudah lama wujud dalam masyarakat Melayu sebagai salah satu cara untuk berhibur, bersantai dan juga berpesan-pesan. Menurut Rahmah (2006), lagu tradisi mengandungi daya interpretatif seperti disiplin dan prejudis, pemikiran dan perasaan, kepercayaan dan anutan orang Melayu dalam konteks kosmik dan konvensi kehidupan. Hal berkenaan menunjukkan bahawa penghasilan lagu dalam kalangan masyarakat Melayu mempunyai pelbagai maksud yang dekat dengan masyarakat. Malah, nyanyian lagu tradisi menjadi wadah dalam mendidik masyarakat setempat (Aripin, 2004).

Menurut Ismail (1988), lagu Melayu asli (LMA) merupakan lagu Melayu yang mempunyai hubungan dengan gaya nyanyian Dondang Sayang di Melaka dan Canggung di Perlis. Perkembangan LMA mempunyai kaitan dengan kemunculan teater bangsawan berbahasa Melayu sekitar tahun 1920-an. Teater bangsawan merupakan teater yang berasal dari India (Shafa'atussara, 2010) yang diadaptasi dengan menyelitkan unsur penceritaan drama, muzik dan tarian (Ismail, 1988) serta terisi dengan ciri tradisi Melayu (Shafa'atussara, 2010). Selain itu, LMA turut dijadikan sebagai lagu selingan dalam filem Melayu klasik. Suara penyanyi dipinjam oleh pelakon dalam filem Melayu klasik yang banyak mengangkat LMA sebagai lagu latar filem.

Irama LMA berentak perlahan dan melankolik serta bait-bait lirik dilontarkan secara bersahaja, merdu dan lemah gemalai. Cara nyanyian bersahaja, merdu dan lemah gemalai dapat dianggap sebagai menggambarkan keperibadian dan nilai budi Melayu (Shafa'atussara, 2013), dan melambangkan jiwa orang-orang Melayu sezaman (Ibrahim, 2004). Hal berkenaan ditambah dengan penggunaan pantun yang bertemakan cinta dan kasih sayang, budi, harapan, duka cita, perpisahan, berduka hati, nasib dan kemiskinan (Shafa'atussara, 2013) sebagai lirik lagu. Penggunaan pantun sebagai lirik lagu merupakan unsur tradisi yang masih dikekalkan walaupun LMA telah mengalami perubahan dan penambahbaikan (Arif, 2005; Ismail & Ab Samad, 2015). Analisis yang dijalankan dalam makalah ini adalah untuk merungkai penggunaan bahasa dalam nyanyian lagu Melayu asli. Analisis hanya memberikan tumpuan terhadap proses fonologi yang melibatkan segmen konsonan sahaja.

SOROTAN KOSA ILMU DAN PERMASALAHAN

Kajian terhadap muzik persembahan telah menjelaskan bahawa LMA tergolong dalam muzik sinkretik yang memperlihatkan percampuran unsur muzik luar dalam persembahan seperti penggunaan skel muzik barat, Arab dan India (Ismail & Ab Samad, 2015). Teknik nyanyian LMA telah dipaparkan dengan baik dalam kajian yang dilakukan oleh Shafa'atussara (2013), yang menjelaskan peranan korda vokal dan larinks (dari segi kedudukan dan fungsi) sebagai instrumen terpenting dalam menghasilkan suara untuk nyanyian LMA. Elemen patah lagu atau bunga lagu telah dibuktikan terdapat dalam nyanyian LMA menerusi penelitian frekuensi asas (*fundamental frequency*, f_0) yang memvisualkan kontur kelangsingan (*pitch contour*) (Nurmaisara *et al.*, 2011).

Kajian lepas terhadap bahasa dalam lagu telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu. Antaranya kajian tersebut termasuklah penelitian terhadap keindahan bahasa dalam lirik lagu yang telah dilakukan oleh Nur Amirah dan Che Ibrahim (2014). Kajian tersebut menganalisis lirik lagu P. Ramlee yang didapati menggunakan perkataan yang membawa makna yang baik dan berbudi serta bersifat teratur dan jelas dari segi makna, yang dapat menimbulkan nilai estetika. Penelitian terhadap lagu oleh Dealova pula telah memaparkan manipulasi fitur prosodi (kelangsingan, intonasi, kepanjangan dan tekanan) dengan bertujuan untuk menekankan mesej, menyampaikan maklumat baharu dan penanda akhir sesuatu maklumat (Indirawati, 2006). Kajian sebutan seperti yang dilakukan oleh Ibrahim (2004) telah menjelaskan beberapa ciri sebutan Melayu yang berubah dalam nyanyian lagu Melayu kontemporari kerana mengikut rentak lagu yang dipinjam.

Ulasan ringkas ini telah menjelaskan bahawa LMA telah dikaji dari segi alat muzik persembahan, teknik nyanyian, dan pembuktian kehadiran patah lagu. Pengkajian aspek bahasa pula melihat genre lagu yang pelbagai dan dianalisis dalam bidang linguistik seperti bidang semantik, fonetik akustik dan analisis sebutan bunyi bahasa. Amat kurang kajian bahasa yang menyentuh secara terperinci penggunaan bahasa dalam LMA. Hal berkenaan menjadikan penjelasan aspek bahasa dalam LMA agak keciciran dan menjadi satu keperluan untuk dibahaskan secara linguistik kerana LMA termasuk dalam kategori lagu Melayu tradisional. Lagu Melayu tradisional melibatkan beberapa jenis lagu, iaitu ghazal, inang, joget, masri dan sebagainya. Lagu-lagu Melayu tradisional tersebut masih didendangkan terutamanya dalam majlis keraian rasmi dan turut dipertandingkan pada peringkat negeri dan kebangsaan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan sebagai usaha

memartabatkan kesenian Melayu dan melahirkan penyanyi pelapis dalam kalangan generasi muda.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, nyanyian lagu Melayu di Malaysia menggunakan dua bentuk bahasa yakni bahasa Melayu standard dan bahasa Melayu sebutan baku. Bahasa Melayu standard (BMS) berbeza daripada sebutan baku dari segi kelainan sebutan vokal rendah /a/ pada akhir kata sebagai vokal schwa [ə], vokal tinggi /i, u/ pada suku kata akhir tertutup sebagai vokal separuh tinggi [e, o] dan konsonan getaran /r/ pada posisi koda yang lazimnya disenyapkan dalam ujaran (Farid, 1980; Teoh, 1994). Bahasa Melayu sebutan baku (BMSB) pula mengujarkan semua konsonan dan vokal mengikut nilai ejaan atau secara fonemik (Asmah, 2015a; Asraf, 1989; Awang, 2005). Dalam konteks penggunaan bahasa, kedua-dua variasi bahasa Melayu tersebut dituturkan sebagai bahasa rasmi dan dalam situasi rasmi (Asmah, 2015a).

Menurut Shafa'atussara (2013), bentuk bahasa yang digunakan dalam nyanyian LMA ialah bahasa Melayu dialek Johor-Riau yang merupakan bahasa pertuturan di Nusantara, terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu seperti di Johor dan Melaka. Bahasa Melayu dialek Johor-Riau dirujuk dalam makalah ini sebagai bahasa Melayu standard (BMS). Dakwaan penggunaan BMS dalam nyanyian LMA tidak diberikan perincian lanjut. Jika sekiranya benar dakwaan Shafa'atussara (2013) bahawa dialek Melayu Johor-Riau (atau BMS) digunakan sebagai bentuk bahasa pilihan dalam nyanyian LMA, tentu sekali nyanyian LMA memperlihatkan ciri atau sistem fonologi BMS. Sistem fonologi dialek Melayu Johor (atau BMS) diterangkan oleh Farid (1980; 2014) terdiri daripada beberapa proses fonologi seperti pengglotisan, asimilasi nasal, pengguguran obstruen tak bersuara, penyisipan glotis, penyisipan geluncuran, pengguguran nasal, pengguguran likuida getaran, perendahan vokal tinggi, penengahan vokal rendah, nasalisasi vokal progresif dan nasalisasi vokal harmoni.

Proses fonologi berkenaan menjadi maklumat bahasa yang membezakan antara BMS, dialek Melayu mahupun dalam BMSB. Misalnya, pengguguran likuida getaran /r/ yang terdapat dalam BMS dikongsi dalam dialek Melayu yang lain seperti dialek Melayu Terengganu, dialek Melayu Perak, dialek Melayu Negeri Sembilan, dan dialek Melayu Kelantan (Asmah, 1993; Zaharani, 1993). Sementara itu, getaran /r/ pada akhir kata dalam dialek Melayu Kedah diujarkan sebagai frikatif farinks [ʁ] (Asmah, 1993). Dialek Melayu Sarawak pula membunyikan getaran [r] pada akhir kata (Asmah, 1993; Collins, 1987; Zaharani, 1993). Hal ini menjelaskan bahawa terdapat

perubahan bunyi yang berlainan antara dialek Melayu dan juga bahasa yang dikongsi oleh sesetengah dialek Melayu. Maklumat tersebut sangat berguna untuk menentukan bentuk bahasa dalam nyanyian kerana sebutannya akan berbeza dari segi perubahan segmen konsonan dan vokal apabila penyanyi memilih bentuk bahasa yang berlainan seiring dengan bentuk nahu bahasa pilihan.

METODOLOGI

Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif yang meneliti data teks dan membuat penghuraian berpandukan teori Fonologi Generatif Linear (Chomsky & Halle, 1968). Huraian lanjut dikemukakan dalam bahagian berikutnya:

Kajian Teks

Penyelidikan ini meneliti sumber dokumen atau teks sebagai data kajian. Tujuan analisis teks adalah untuk menghuraikan struktur, isi dan fungsi sesuatu mesej dalam teks (Frey, Botan, & Kreps, 1999). Dalam konteks kajian ini, teks lagu merupakan lirik sesebuah lagu. LMA dalam kajian ini adalah dalam format fail MP3. Bentuk berkenaan dialih kepada bentuk teks melalui proses transkripsi data lagu menggunakan simbol fonetik antarabangsa (*International Phonetics Alphabet (IPA)*).

Jumlah keseluruhan saiz data LMA berdurasi 46:00 minit. Judul dan pembahagian lagu serta saiz setiap lagu yang dipilih berdasarkan gender penyanyi disenaraikan dalam Jadual 1.

Jumlah keseluruhan perkataan dalam data LMA yang dianalisis sebanyak 856 perkataan. Jumlah besar berkenaan disumbangkan menerusi lagu dalam kategori penyanyi lelaki, iaitu sebanyak 453 perkataan, manakala kategori penyanyi wanita sebanyak 403 perkataan. Perincian jumlah perkataan dalam setiap lagu adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 1 Senarai sepuluh buah lagu Melayu asli sebagai data kajian.

	Penyanyi Wanita	Saiz data (minit)		Penyanyi Lelaki	Saiz data (minit)
1.	<i>Seri Serawak</i>	4:38	6.	<i>Seri Kedah</i>	5:19
2.	<i>Lela Manja</i>	4:17	7.	<i>Embun Menitik</i>	5:15
3.	<i>Gunung Panti</i>	5:03	8.	<i>Laksamana</i>	5:37
4.	<i>Makan Sireh</i>	3:16	9.	<i>Mati Dibunuh</i>	4:47
5.	<i>Damak</i>	4:13	10.	<i>Siti Payung</i>	4:23

Jadual 2 Jumlah perkataan dalam lagu Melayu asli.

	Penyanyi Wanita	Jumlah Perkataan	Penyanyi Lelaki	Jumlah Perkataan
6	<i>Seri Serawak</i>	107	<i>Seri Kedah</i>	76
7	<i>Lela Manja</i>	75	<i>Embun Menitik</i>	104
8	<i>Gunung Pantii</i>	63	<i>Laksamana Mati Dibunuh</i>	89
9	<i>Makan Sireh</i>	54	<i>Seri Banang</i>	90
10	<i>Damak</i>	104	<i>Siti Payung</i>	94
	Jumlah:	403	Jumlah:	453

Fokus Analisis

Analisis dalam makalah ini melibatkan semua bentuk perkataan yang terdapat dalam lagu Melayu asli, yakni bentuk kata dasar dan juga perkataan yang menerima pengimbuhan atau kata terbitan. Hal tersebut kerana proses fonologi hadir dalam lingkungan operasi yang rencam seiring dengan kenyataan Chomsky dan Halle (1968) bahawa sesetengah rumus fonologi terlaksana pada peringkat perkataan sahaja, dan sesetengah rumus fonologi terlaksana secara bebas dalam rentetan formatif (formatif leksikal atau formatif nahu) yang mungkin terdiri daripada perkataan, atau sebilangan (jenis) perkataan, atau frasa.

Di samping itu, lanjutan daripada permasalahan yang telah dibincangkan, terdapat dakwaan LMA menggunakan BMS sebagai bentuk bahasa dalam nyanyian. Oleh itu, sistem fonologi BMS dijadikan sebagai bentuk piawai bagi mengukur sama ada nyanyian LMA mengikuti sepenuhnya sistem fonologi BMS. Berdasarkan Farid M. Onn (1980), proses fonologi BMS melibatkan perubahan fonologi terhadap segmen konsonan dan vokal dalam lingkungan tertentu. Namun begitu, perbincangan perubahan konsonan dan vokal amatlah mustahil untuk dilakukan bersama dalam makalah ini kerana faktor keterbatasan ruang. Oleh itu, makalah ini hanya memberikan fokus terhadap perubahan fonologi dalam LMA yang melibatkan segmen konsonan sahaja.

Merujuk Farid (1980), BMS mempunyai proses perubahan konsonan seperti perubahan bunyi, asimilasi, pengguguran dan penyisipan. Pengglotisan yang terdapat dalam BMS dapat dikelaskan di bawah proses perubahan bunyi yakni konsonan hentian velar /k, g/ berubah menjadi konsonan hentian glotis

[?] apabila mengisi posisi koda. Asimilasi segmen konsonan dalam BMS melibatkan konsonan nasal berasimilasi dengan konsonan yang mengikuti nasal dan proses berkenaan turut dikenali sebagai asimilasi nasal. Perubahan konsonan BMS di bawah proses pengguguran ialah pengguguran obstruen tak bersuara, dan pengguguran likuida getaran. Akhir sekali, dua proses penyisipan yang terdapat dalam BMS ialah penyisipan hentian glotis dan penyisipan geluncuran (Farid, 1980). Semua proses fonologi diberikan butiran lanjut dalam bahagian analisis.

Teori Fonologi Generatif Linear

Kajian ini mengaplikasikan teori Fonologi Generatif Linear dalam menghuraikan data kajian. Teori Fonologi Generatif Linear diperkenalkan oleh Chomsky dan Halle (1968) melalui buku mereka yang bertajuk *The Sound Pattern of English (SPE)*. Dalam *SPE*, setiap bahasa mengandungi proses yang membenarkan sesuatu ayat dapat dimasukkan ke dalam ayat yang lain, dan proses berkenaan dapat menjana ayat yang lebih kompleks dan arbitrari (Chomsky & Halle, 1968, p. 6).

Chomsky dan Halle (1968) menjelaskan bahawa komponen fonologi mengandungi sistem rumus yang berkaitan dengan struktur permukaan kepada representasi fonetik. Rumus fonologi bersifat tetap dan tersusun secara spesifik (Chomsky & Halle, 1968, p. 14). Rumus dalam komponen fonologi berperanan untuk menukar bentuk dasar dalam representasi dalaman ke bentuk fonetik dalam representasi permukaan (Zaharani, 1993). Rumus fonologi digambarkan dalam bentuk formal seperti yang berikut.

1. Contoh formulasi rumus

$$A \rightarrow B / X \text{ ____ } Y]_k$$

(Chomsky & Halle, 1968, p. 14)

Rumus 1 menjelaskan bahawa elemen jenis A ditulis atau menjadi elemen yang bersamaan dengan elemen jenis B apabila A hadir dalam konteks X Y (di antara X dan Y) dan apabila perkara yang dimaksudkan adalah daripada kelas kata kerja]_k (Chomsky & Halle, 1968, p. 14). Simbol anak panah → membawa maksud berubah atau menjadi, simbol garisan ____ pula menandakan medan pelaksanaan sesuatu rumus fonologi.

Justifikasi Teori

Teori Fonologi Generatif Linear merupakan teori yang diaplikasi oleh Farid (1980) dalam BMS dan merupakan kajian terawal yang mengemukakan huraian yang agak lengkap tentang sistem fonologi BMS. Setelah puluhan tahun berlalu, tidak dapat dipastikan sama ada rumus fonologi BMS (Farid, 1980) masih relevan dalam menghuraikan data bahasa terutama penggunaan bahasa dalam nyanyian. Oleh itu, di samping meninjau proses fonologi segmen konsonan dalam LMA, pengaplikasian teori Fonologi Generatif Linear dalam makalah ini adalah untuk menyemak semula rumus fonologi BMS. Hal tersebut kerana LMA dikatakan sebagai lagu tradisional yang menggunakan BMS sebagai bentuk bahasa pilihan dalam melagukan lirik atau bait-bait lagu. Oleh itu, rumus fonologi BMS yang dibentuk dalam perspektif teori Fonologi Generatif Linear cuba dikenal pasti sama ada dapat memberikan kepada penjelasan terhadap fenomena bahasa yang terkandung dalam nyanyian LMA. Rumus fonologi akan dibuat pindaan seandainya wujud penyimpangan bentuk yang selaras dengan output yang terhasil dalam nyanyian.

ANALISIS

Pengglotisan

Pengglotisan BMS merupakan proses fonologi yang mengubah hentian velar /k, g/ pada posisi margin koda menjadi hentian glotis [ʔ]. Farid (1980) menyatakan bahawa konsonan /k/ dan /g/ dalam BMS berkongsi variasi hentian glotis [ʔ] yang boleh diramal secara fonetik, terutama apabila berada pada kedudukan koda suku kata. Variasi yang terhasil diistilahkan sebagai bunyi alofon bagi fonem konsonan hentian velar, iaitu bunyi yang melengkapi konsonan /k/ dan /g/. Farid (1980) mengemukakan contoh pengglotisan dalam BMS seperti yang berikut:

2. Contoh pengglotisan dalam BMS (Farid, 1980, p. 9).

		Bentuk Tulisan
a. /beg/	[beʔ]	beg
b. /ragbi/	[raʔbi]	ragbi
c. /bakti/	[baʔti]	bakti
d. /masak/	[masaʔ]	masak
e. /masak-kan/	[masaʔkan]	masakkan

Contoh 2 menunjukkan bahawa fonem konsonan hentian velar /k/ dan /g/ menjadi bunyi hentian glotis [ʔ] di koda suku kata sama ada hadir di akhir kata seperti /beg/→[beʔ] dan /masak/→[masaʔ], di tengah kata (/ragbi/→[raʔbi] dan /bakti/→[baʔti]) dan di sempadan akhiran seperti masak-kan/→[masaʔkan]. Berdasarkan contoh tersebut, proses pengglotisan BMS digambarkan dalam bentuk Rumus (3) seperti yang berikut. Rumus (3) yang dikemukakan oleh Farid M. Onn (1980) menjelaskan bahawa hentian velar /k/ dan /g/ berubah menjadi hentian glotis [ʔ] apabila berada di sempadan kata (#) atau apabila diikuti oleh konsonan (K).

3. Rumus Pengglotisan

$$\begin{pmatrix} k \\ g \end{pmatrix} \longrightarrow \text{ʔ} / \text{---} \begin{pmatrix} \# \\ K \end{pmatrix}$$

(Farid, 1980, p. 9)

Analisis terhadap LMA mendapati bahawa penyanyi merealisasikan hentian velar sebagai hentian glotis [ʔ] dalam semua LMA yang dianalisis. Pengglotisan dalam LMA dikenal pasti hanya melibatkan hentian velar /k/ yang menduduki posisi koda. Hal tersebut dapat ditelusuri menerusi contoh yang dimuatkan dalam Jadual 3.

Contoh yang disenaraikan dalam Jadual 3 menjelaskan pengglotisan konsonan hentian velar tak bersuara /k/ berubah menjadi hentian glotis [ʔ] dalam LMA. Misalnya, perkataan /tak/→ [taʔ], /mak/→ [maʔ], /daik/→ [daeʔ], /lubuk/→ [luboʔ] dan /anak/→ [anaʔ] memerikan perubahan hentian velar /k/ pada posisi koda menjadi hentian glotis [ʔ]. Semua perkataan berkenaan hadir dalam lagu *Seri Sarawak*, *Lela Manja*, *Gunung Panti*, *Makan Sirih* dan *Damak*. Proses pengglotisan di koda suku kata dalam lagu *Seri Kedah*, *Embun Menitik*, *Laksamana Mati Dibunuh*, *Seri Banang* dan *Siti Payung* didapati berlaku dalam contoh seperti /həndak/→ [həndaʔ], /məŋ+titik/→ [mənite/], /tombak/→ [tombaʔ], /mijak/→ [mijaʔ], /duduk/→ [dudoʔ] dan /ʃik/→ [ʃeʔ].

Di samping itu, proses pengglotisan hentian velar /k/ pada posisi koda suku kata tetap terlaksana walaupun hadir di tengah kata seperti /seksa/→ [seʔsə] dan /waktu/→ [waʔtu] yang masing-masing terdapat dalam lagu *Lela Manja* dan *Embun Menitik*. Contoh yang dipetik daripada lagu *Lela Manja* dan *Seri Banang* seperti /adik-ku/→ [adeʔku] dan /tak-kan-lah/→

Jadual 3 Contoh pengglotisan hentian velar /k/ pada posisi koda dalam LMA.

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama Lagu
tak	/tak/	[taʔ]	<i>Seri Serawak</i>
adikku	/adikku/	[adeʔku]	<i>Lela Manja</i>
seksa	/seksa/	[seʔsə]	
mak	/mak/	[maʔ]	
daik	/daik/	[daeʔ]	<i>Gunung Pantii</i>
lubuk	/lubuk/	[luboʔ]	<i>Makan Sirih</i>
anak	/anak/	[anaʔ]	<i>Damak</i>
hendak	/hondak/	[hondaʔ]	<i>Seri Kedah</i>
menitik	/məŋ+titik/	[məniteʔ]	<i>Embun</i> <i>Menitik</i>
waktu	/waktu/	[waʔtu]	
tombak	/tombak/	[tombaʔ]	<i>Laksamana</i>
minyak	/mijak/	[mijaʔ]	<i>Mati</i> <i>Dibunuh</i>
duduk	/duduk/	[dudoʔ]	<i>Seri Banang</i>
takkanlah	/tak-kan-lah/	[taʔkanlah]	
cik	/ʃik/	[ʃeʔ]	<i>Siti Payung</i>

[taʔkanlah] juga memaparkan proses pengglotisan hentian velar /k/ pada posisi koda.

Oleh yang demikian, hentian velar /k/ yang direalisasikan dalam nyanyian LMA sebagai hentian glotis [ʔ] ialah pengglotisan yang sejajar dengan BMS (Farid, 1980). Hal berkenaan berlaku kerana pengglotisan hentian velar /k/ dalam LMA berlaku dalam medan penentu yang sama seperti yang digariskan dalam BMS yakni pada posisi koda sama ada di akhir kata, di tengah kata atau di sempadan akhiran yang diikuti konsonan. Namun begitu, rumus pengglotisan dibina semula dalam analisis makalah ini dengan memasukkan koda (Ko) suku kata sebagai medan operasi rumus adalah seperti yang berikut:

4. Rumus Pengglotisan

$$k \rightarrow ? / \text{___} \text{ Ko}$$

Rumus (4) menjelaskan bahawa hentian velar /k/ berubah menjadi hentian glotis [ʔ] apabila berada pada posisi koda (Ko) suku kata (sama ada di tengah kata atau di akhir kata). Rumus pengglotisan ini dapat meramal dan menjelaskan perkataan yang berkonsonan hentian velar /k/ pada posisi koda seperti /duduk/ menjadi hentian glotis [dudoʔ] dalam lagu *Seri Banang*, /waktu/ menjadi [waʔtu] yang terdapat dalam lagu *Embung Menitik* dan /tak-kan-lah/ → [taʔkanlah] dalam lagu *Seri Banang*.

Asimilasi Nasal

Asimilasi Nasal (AN) merupakan proses yang mengubah konsonan nasal menjadi konsonan nasal yang berasimilasi dengan konsonan yang mengikuti nasal. Menurut Farid (1980), AN berlaku pada lingkungan kata dasar, dan gugusan konsonan yang tercipta melalui gabungan awalan berakhiran nasal seperti /məŋ-/ dan /pəŋ-/ dan kata dasar berawalan konsonan. Dalam BMS, AN digambarkan berdasarkan contoh berikut.

5. Contoh asimilasi nasal dalam BMS

		Bentuk Tulisan
a.	/hambat/	[hambat] hambat
b.	/bandʒir/	[bɑndʒe] banjir
c.	/piŋgan/	[piŋgan] pinggan
d.	/bənda/	[bəndə] benda
e.	/pəŋ-borəŋ/	[pəmborəŋ] pemborong
f.	/pəŋ-dʒahit/	[pəndʒahet] penjahit
g.	/pəŋ-daki/	[pəndaki] pendaki
h.	/pəŋ-gali/	[pəŋgali] penggali

(Farid, 1980)

Berdasarkan Contoh 5 (a-d), konsonan nasal BMS didapati berasimilasi dengan konsonan yang mengikuti nasal pada lingkungan kata dasar. Hal tersebut dijelaskan berdasarkan contoh kata dasar seperti /hambat/ → [hambat], /bandʒir/ → [bɑndʒe], /piŋgan/ → [piŋgan], dan /bənda/ → [bəndə] yang masing-masing berasimilasi dengan menyesuaikan ciri daerah artikulasi dengan konsonan yang mengikuti nasal. Hal sama yang berlaku di sempadan awalan, konsonan nasal pada posisi koda imbuhan awalan bersesuaian dengan konsonan awal kata dasar seperti /pəŋ-borəŋ/ → [pəmborəŋ], /pəŋ-dʒahit/ →

[pəŋdʒahet], /pəŋ-daki/→ [pəndaki], dan /pəŋ-gali/→ [pəŋgali]. Oleh itu, Farid (1980) mengemukakan rumus AN BMS seperti yang berikut:

6. Rumus Asimilasi Nasal

$$[+ \text{nasal}] \rightarrow \left(\begin{array}{c} \alpha \text{ anterior} \\ \beta \text{ koronal} \\ \vdots \end{array} \right) / \text{---} \left(\begin{array}{c} K \\ \alpha \text{ anterior} \\ \beta \text{ koronal} \\ \vdots \end{array} \right)$$

(Farid, 1980, p. 13)

Rumus (6) di atas menjelaskan bahawa konsonan nasal berubah menjadi konsonan nasal yang berasimilasi dengan konsonan yang mengikutinya di semua lingkungan perkataan.

Penelitian terhadap data nyanyian LMA menunjukkan bahawa gugusan konsonan dalam kata dasar sentiasa berasimilasi secara homorganik. Gugusan konsonan dalam kata dasar adalah seperti Jadual 4.

Contoh yang disenaraikan dalam Jadual 4 menjelaskan bentuk gugusan konsonan yang berasimilasi dalam kata dasar LMA. Gugusan konsonan yang berhomorganik dalam lingkungan kata dasar adalah seperti [mp], [mb], [nt], [nd], [ŋdʒ], [ŋk] dan [ŋg]. Antara contoh perkataan yang memperlihatkan homorganik nasal [mp] ialah perkataan /təmpat/→ [təmpat], dan /rumpun/→ [rumpon] yang dinyanyikan dalam lagu *Lela Manja* dan *Embun Menitik*. Perkataan /tombak/→ [tomba/] dan /ambil/→ [ambeʔ]¹ yang terdapat dalam lagu *Laksamana Mati Dibunuh* dan *Seri Banang* pula mewakili bentuk gugusan konsonan [mb].

Selain itu, gugusan konsonan homorganik nasal [nt] dapat dikesan kehadirannya dalam kata dasar /intan/→ [intan] yang terdapat dalam lagu *Gunung Panti* dan dalam nyanyian lagu *Seri Banang* menerusi perkataan /ganti/→ [ganti]. Lagu *Seri Sarawak* dan *Seri Kedah* masing-masing memberikan bentuk gugusan konsonan homorganik nasal [nd] yang terdapat dalam perkataan /pandan/→ [pandan], dan /həndak/→ [həndaʔ]. Selanjutnya, bentuk gugusan konsonan homorganik nasal [ŋdʒ] terdapat dalam perkataan /mandʒa/→ [mandʒə], gugusan konsonan homorganik nasal [ŋk] dalam perkataan /nanʒka/→ [nanʒkə] dan gugusan konsonan homorganik nasal [ŋg] dalam perkataan /tiŋgi/→ [tiŋgi]. Hal ini menjelaskan kehadiran konsonan nasal dalam LMA sentiasa berasimilasi dengan konsonan yang mengikuti segmen nasal dan disebut dengan jelas dalam nyanyian LMA. Cuma ungkapan kata dasar dalam nyanyian LMA tidak mempunyai homorganik nasal [ŋʃ].

Jadual 4 Asimilasi nasal dalam kata dasar LMA.

	Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama Lagu
[mp]	Tempat	/təmpat/	[təmpat]	<i>Lela Manja</i>
	Rumpun	/rumpun/	[rumpon]	<i>Embun Menitik</i>
[mb]	Tombak	/tombak/	[tombaʔ]	<i>Laksamana Mati Dibunuh</i>
	Ambil	/ambil/	[ambeʔ]	<i>Seri Banang</i>
[nt]	Intan	/intan/	[intan]	<i>Gunung Panti</i>
	Ganti	/ganti/	[ganti]	<i>Seri Banang</i>
[nd]	Pandang	/pandaŋ/	[pandaŋ]	<i>Seri Sarawak</i>
	Hendak	/həndaŋ/	[həndaʔ]	<i>Seri Kedah & Siti Payung</i>
[nʃ]	-	-	-	-
[ndʒ]	Manja	/mandʒa/	[mandʒə]	<i>Lela Manja</i>
[ŋk]	nangka	/naŋka/	[naŋkə]	<i>Makan Sirih</i>
[ŋg]	tinggi	/tiŋgi/	[tiŋgi]	<i>Seri Kedah</i>

Di samping itu, penelitian keseluruhan data LMA hanya menemui beberapa contoh perkataan yang terdiri daripada imbuhan awalan dan kata dasar. Data LMA banyak menggunakan atau memilih kata dasar sebagai lirik lagu. Misalnya yang ditunjukkan dalam Jadual 5, iaitu imbuhan awalan /məŋ-/ sahaja yang muncul dalam data LMA. Analisis yang dijalankan ini memilih bentuk /məŋ-/² yang diberikan oleh Farid (1980) dan Yeoh (1988) sebagai bentuk dalaman.³

Pemilihan bentuk dalaman /məŋ-/ adalah kerana kehadirannya yang lebih luas, iaitu nasal velar /ŋ/ direalisasikan dalam ujaran apabila diikuti oleh vokal [i, e, a, o, u, ə], frikatif glotis [h] dan hentian velar [k, g]. Bentuk tersebut terdapat dalam lagu *Gunung Panti*, *Embun Menitik*, *Siti Payung* dan *Damak* seperti perkataan /məŋ+awan/→ [məŋawan], /məŋ+harap-kan/→ [məŋharapkan], /məŋ+guluŋ-lah/→ [məŋguluŋlah], dan /məŋ+kutip/→ [məŋutep]. Jika bentuk awalan /məŋ-/ yang menjadi pilihan, tentu sekali gagal (dan memerlukan rumus tambahan) untuk mendapatkan bentuk permukaan bagi kata dasar yang didahului oleh vokal dan konsonan frikatif glotis [h]

kerana tidak ada segmen obstruen yang membolehkan AN beroperasi. Senarai penuh perkataan diberikan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Asimilasi nasal pada lingkungan sempadan awalan dalam LMA.

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama Lagu
menggulunglah	/məŋ+guloŋ-lah/	[məŋguloŋlah]	<i>Siti Payung</i>
membeli	/məŋ+bəli/	[məmbəli]	<i>Damak</i>
menjual	/məŋ+dʒual/	[məŋdʒuwal]	<i>Seri Sarawak</i>

Berdasarkan Jadual 5, terdapat tiga contoh yang memperlihatkan segmen nasal berasimilasi dengan konsonan obstruen di sempadan awalan dalam LMA. Misalnya, gugusan konsonan berasimilasi di sempadan awalan terdapat dalam perkataan /məŋ+guloŋ-lah/→ [məŋguloŋlah] yang direalisasikan dalam lagu *Siti Payung*, /məŋ+bəli/→ [məmbəli] dalam lagu *Damak* dan /məŋ+dʒual/→ [məŋdʒuwal] dalam lagu *Seri Sarawak*. Bentuk yang dikenal pasti (sama ada dalam bentuk dasar dan kata terbitan) dalam LMA menepati AN yang digariskan dalam BMS. Oleh itu, AN dalam LMA dapat dilihat dalam Rumus (6) yang menjelaskan bahawa konsonan nasal berubah menjadi konsonan nasal yang sepunya titik artikulasinya dengan konsonan yang mengikutinya di semua lingkungan perkataan.

Pengguguran Obstruen Tak Bersuara

Pengguguran obstruen tak bersuara (POTB) merupakan proses yang menggugurkan obstruen tak bersuara yang mengikuti konsonan nasal. Menurut Farid (1980), POTB dalam BMS hanya berlaku di sempadan awalan. POTB tidak menggugurkan obstruen tak bersuara dalam gugusan nasal-obstruen tak bersuara yang terdapat dalam kata dasar seperti /pampaŋ/→ [pampaŋ], /bəntok/→ [bəntoʔ]. BMS juga tidak menggugurkan obstruen tak bersuara dalam gugusan nasal-obstruen tak bersuara di sempadan akhiran seperti /hitam-kan/→ [hitamkan], /paŋdʒaŋ-kan/→ [paŋdʒaŋkan] (Farid, 1980). Contoh POTB dalam BMS adalah seperti yang berikut.

7. Contoh pengguguran obstruen tak bersuara dalam BMS.

		Bentuk Tulisan
a. /pəŋ+tulis/	[pənules]	penulis
b. /pəŋ+samun/	[pəŋamon]	penyamun
c. /pəŋ+karaŋ/	[pəŋaraŋ]	pengarang
d. /pəŋ+periksa/	[pəmərəʔsə]	pemeriksa
e. /məŋ+pukul/	[məmukol]	memukul
f. /məŋ+tulis/	[mənules]	menulis
g. /məŋ+kawal/	[məŋawal]	mengawal
h. /məŋ+salin/	[məŋalən]	menyalin

(Farid, 1980, p. 14)

Berdasarkan Contoh 7 (a-h), segmen obstruen tidak bersuara /t, s, k, p/ yang hadir pada awal kata dasar digugurkan dalam bentuk permukaan apabila menerima imbuhan awalan berakhiran nasal (Farid, 1980). Namun demikian, proses penerbitan kata turut melibatkan AN, yakni AN beroperasi mendahului POTB (Farid, 1980). Konsonan nasal pada imbuhan awalan /pəŋ-/ dan /məŋ-/ dalam Contoh 7 mengalami asimilasi dengan konsonan awal kata dasar (Farid, 1980). Konsonan obstruen tak bersuara /t, s, k, p/ seterusnya digugurkan untuk menghasilkan bentuk permukaan dalam Contoh 7 seperti /pəŋ+tulis/ → [pənules], /məŋ+kawal/ → [məŋawal] dan /məŋ+salin/ → [məŋalən]. Rumus POTB BMS diderivasikan oleh Farid (1980) seperti yang berikut:

8. Rumus Pengguguran Obstruen Tak Bersuara

$$K \rightarrow \emptyset / \left[\begin{array}{c} \text{Nasal} \\ \alpha F \end{array} \right] + \overline{[\alpha F]}$$

[- suara]

simbol ‘+’ merupakan sempadan awalan

(Farid, 1980, p. 15)

Rumus (8) menjelaskan bahawa konsonan obstruen tak bersuara di sempadan imbuhan awalan digugurkan apabila menerima imbuhan yang diakhiri oleh konsonan nasal seperti imbuhan /məŋ-/ dan /pəŋ-/ dan mempunyai fitur (αF) yang sama.

Analisis yang dijalankan mendapati bahawa LMA memperlihatkan sifat yang sama dengan BMS yakni obstruen tak bersuara yang berada di awal kata mengalami pengguguran apabila menerima awalan /məŋ-/. Misalnya dalam Jadual 6 seperti yang berikut.

Jadual 6 Pengguguran obstruen tak bersuara dalam LMA.

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama Lagu
menanggung	/məŋ+təŋgʊŋ/	[məŋəŋgʊŋ]	<i>Seri Sarawak & Lela Manja</i>
menitik	/məŋ+titik/	[məŋiteʔ]	<i>Embun Menitik</i>
mengutip	/məŋ+kutip/	[məŋutep]	<i>Damak</i>
mengenang	/məŋ+kəŋəŋ/	[məŋəŋəŋ]	<i>Seri Banang</i>
memetik	/məŋ+pətik/	[məməteʔ]	<i>Embun Menitik</i>
menyemai	/məŋ+səmai/	[məŋəmaj]	

Berdasarkan Jadual 6, pengguguran obstruen tak bersuara dapat dikenal pasti dalam perkataan /məŋ+təŋgʊŋ/ → [məŋəŋgʊŋ] yang terdapat dalam lagu *Seri Sarawak* dan *Lela Manja*, dan dalam lagu *Embun Menitik* menerusi perkataan /məŋ+titik/ → [məŋiteʔ]. Kedua-dua perkataan berkenaan menggugurkan obstruen tak bersuara /t/ di sempadan awalan. Pengguguran obstruen tak bersuara /k/ berlaku dalam perkataan /məŋ+kutip/ → [məŋutep] dan /məŋ+kəŋəŋ/ → [məŋəŋəŋ] yang masing-masing dinyanyikan dalam lagu *Damak* dan *Seri Banang*. Perkataan /məŋ+pətik/ → [məməteʔ], dan /məŋ+səmai/ → [məŋəmaj] yang terdapat dalam lagu *Embun Menitik* dan *Seri Kedah* pula memperlihatkan pengguguran obstruen tak bersuara /p/ dan /s/ di sempadan awalan. Berdasarkan contoh yang terdapat dalam LMA, pengguguran obstruen tak bersuara /t, k, p, s/ yang berlaku dalam LMA dapat diramal atau dijelaskan dengan menggunakan Rumus (8) yang dikemukakan oleh Farid (1980) dalam memerikan POTB BMS.

Dalam pada itu, pembentukan perkataan /məŋ+təŋgʊŋ/ → [məŋəŋgʊŋ], /məŋ+titik/ → [məŋiteʔ], /məŋ+kutip/ → [məŋutep], /məŋ+kəŋəŋ/ → [məŋəŋəŋ], /məŋ+pətik/ → [məməteʔ] dan /məŋ+səmai/ → [məŋəmaj] yang terdapat dalam lagu *Seri Sarawak*, *Embun Menitik*, *Damak*, *Seri Banang*, dan *Seri Kedah* didapati memerlukan interaksi dua proses fonologi yakni AN dan POTB. Rumus AN dilihat beroperasi terlebih dahulu bagi menentukan

segmen nasal yang berhomorganik dengan segmen obstruen tak bersuara. Setelah itu, barulah POTB menggugurkan obstruen tak bersuara di sempadan awalan menghasilkan bentuk permukaan [mənəŋgɔŋ], [mənɟutɐp], [mənɟəŋəŋ], [məmətɛʔ] dan [mənɟəməj]. Ketertiban rumus untuk mendapatkan bentuk permukaan berkenaan ditunjukkan dalam Jadual 7 seperti yang berikut.

Jadual 7 Ketertiban Rumus AN Mendahului POTB.

Bentuk dalaman	/mənɟ+taŋgɔŋ/	/mənɟ+kutip/	/mənɟ+ pətik/	/mənɟ+ səməi/
Rumus AN	məntaŋgɔŋ	mənɟkutɐp	məmpətɛk	mənɟsəməj
Rumus POTB	mənəŋgɔŋ	mənɟutɐp	məmətɛk	mənɟəməj
Bentuk permukaan	[mənəŋgɔŋ]	[mənɟutɐp]	[məmətɛʔ]	[mənɟəməj]

Berdasarkan proses pembentukan kata dalam Jadual 7⁴, jelaslah bahawa POTB merupakan proses fonologi yang terikat yakni POTB akan beroperasi setelah AN menjalankan tugas dalam pembentukan kata. Sekiranya rumus berkenaan diatur secara sebaliknya, misalnya, rumus POTB diatur mendahului rumus AN, aturan rumus tersebut menghasilkan output yang tidak gramatis seperti yang berikut.

Jadual 8 Ketertiban rumus POTB mendahului AN.

Bentuk dalaman	/mənɟ+taŋgɔŋ/	/mənɟ+ kutip/	/mənɟ+ pətik/	/mənɟ+ səməi/
Rumus POTB	mənɟaŋgɔŋ	mənɟutɐp	mənɟətɛk	mənɟəməj
Rumus AN	-	-	-	-
Bentuk permukaan	[mənɟaŋgɔŋ]*	[mənɟutɐp]	[mənɟətɛʔ]*	[mənɟəməj]*

Berdasarkan Jadual 8, proses pembentukan perkataan /mənɟ+kutip/→ [mənɟutɐp] tidak bermasalah meski pun POTB beroperasi mendahului AN. Hal berkenaan kerana nasal velar /ŋ/ telah berasimilasi dengan hentian velar /k/. Oleh itu, pengguguran hentian velar /k/ tetap menghasilkan

bentuk yang gramatis seperti [məŋutep]. Ketertiban rumus dalam Jadual 8 memberikan masalah untuk bentuk dalaman /məŋ+taŋgʊŋ/, /məŋ+pətik/ dan /məŋ+səmai/ yang masing-masing terdapat dalam nyanyian lagu *Seri Sarawak*, *Embun Menitik* dan *Seri Kedah*. Hal tersebut kerana proses POTB yang beroperasi mendahului AN telah menggugurkan hentian /t/, /p/ dan /s/ daripada bentuk dalaman /məŋ+taŋgʊŋ/, /məŋ+pətik/ dan /məŋ+səmai/ dan menyebabkan AN tidak dapat dijalankan kerana tiada segmen konsonan yang dapat berasimilasi dengan konsonan nasal. Bentuk permukaan yang terhasil ialah [məŋaŋgʊŋ]*, [məŋətə/*] dan [məŋəmaj]* yang merupakan output yang tidak tepat atau tidak gramatis.

Pengguguran Nasal

Pengguguran nasal tidak dibincangkan secara khusus oleh Farid (1980) dalam BMS. Namun demikian, Farid (1980) ada menyentuh imbuhan awalan /məŋ-/ dan /pəŋ-/ menerima perkataan yang didahului konsonan nasal menghasilkan gugusan dua nasal. Gugusan dua nasal yang terhasil pada lingkungan sempadan awalan menjalani dua proses fonologi yakni AN dan degeminasi yang diatur secara ekstrinsik (Farid, 1980). Misalnya, imbuhan awalan /pəŋ-/ menerima perkataan /ŋani/ menghasilkan bentuk permukaan [pəŋãŋĩ]. Proses pembentukan kata dihuraikan seperti yang berikut:

9. Proses pembentukan perkataan /pəŋ+ŋani/ → [pəŋãŋĩ]

Input	/pəŋ+ŋani/
Asimilasi Nasal	/pəŋŋani/
Degeminasi	/pəŋani/
Output	[pəŋãŋĩ]

(Farid, 1980, p. 40)

Proses pembentukan perkataan /pəŋ+ŋani/ → [pəŋãŋĩ] menjelaskan bahawa bentuk dalaman /pəŋ+ŋani/ menjalani AN yang menentukan konsonan nasal yang bersesuaian dengan konsonan yang mengikuti nasal. AN mengubah nasal velar /ŋ/ menjadi nasal palatal /ɲ/ menghasilkan gugusan dua nasal yang identikal/serupa di sempadan awalan seperti /ŋɲ/. Selepas itu, bentuk /pəŋŋani/ menjalani proses degeminasi yang menjadikan dua segmen yang identikal menjadi satu segmen dan menghasilkan bentuk permukaan atau output [pəŋãŋĩ]). Penjelasan yang dikemukakan oleh Farid (1980)

mewakili semua segmen nasal yang berada di awal kata dan menerima imbuhan awalan /məŋ-/ atau /pəŋ-/. Walau bagaimanapun, penjelasan yang sama tidak dapat memerikan dengan baik penghilangan nasal apabila konsonan disebelahnya terdiri daripada segmen sonoran seperti /l, r, w, j/ seperti contoh berikut:

10. Contoh penghilangan nasal yang diikuti segmen sonoran /l, r, w, j/

Bentuk Tulisan

a.	/pəŋ+rompak/	[pərompaʔ]	perompak
b.	/pəŋ+lajan/	[pələjan]	pelayan
c.	/məŋ+jakin-i/	[məjakini]	meyakini
d.	/məŋ+wakil-i/	[məwakili]	mewakili

(Farid, 1980)

Yeoh (1988) mengemukakan analisis alternatif dalam menangani fenomena penghilangan nasal apabila diikuti konsonan sonoran di sempadan awalan. Pengguguran nasal di sempadan awalan ditangani melalui proses pengguguran nasal (PN). Menurut Yeoh (1988), proses PN merupakan rumus natural kerana hampir tiada gugusan nasal sonoran dalam bahasa Melayu. Rumus PN dikemukakan oleh Yeoh (1988) seperti yang berikut:

11. Rumus Pengguguran Nasal

$$\left[\begin{array}{c} K \\ :+ \text{nasal} \\ - \text{anterior} \\ - \text{koronal} \end{array} \right] \rightarrow \emptyset / \text{---} + \begin{array}{c} K \\ [+ \text{sonoron}] \end{array}$$

+ sebagai sempadan awalan

(Yeoh, 1988)

Rumus (11) menjelaskan bahawa segmen nasal velar /ŋ/ digugurkan apabila diikuti konsonan sonoran di sempadan awalan. Namun begitu, rumus PN (Yeoh, 1988) akan dipinda dalam makalah ini menjadi Rumus (12).

Penelitian terhadap data LMA telah mengenal pasti perkataan yang terbina menerusi gabungan imbuhan awalan /məŋ-/ dan kata dasar yang mengandungi konsonan sonoran pada awal kata. Contohnya seperti berikut:

Jadual 9 Segmen nasal diikuti segmen sonoran di sempadan awalan LMA.

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama Lagu
merindu	/məŋ+rindu/	[məriŋdu]	<i>Seri Sarawak</i>
merajuk	/məŋ+radʒuk/	[məradʒoʔ]	<i>Makan Sirih</i>
mewangi	/məŋ+waŋi/	[məwaŋi]	<i>Damak</i>

Berdasarkan Jadual 9, terdapat tiga kata terbitan yang merupakan gabungan imbuhan awalan /məŋ-/ dan perkataan yang didahului konsonan sonoran. Antaranya termasuklah perkataan /məŋ+rindu/ → [məriŋdu], /məŋ+radʒuk/ → [məradʒoʔ] dan /məŋ+waŋi/ → [məwaŋi] yang masing-masing tergambar dalam nyanyian lagu *Seri Sarawak*, *Makan Sirih* dan *Damak*. Analisis dalam makalah ini mengadaptasi penjelasan Yeoh (1988) bahawa fenomena penghilangan nasal di sempadan awalan ditangani menggunakan proses atau rumus PN. Rumus PN (Yeoh, 1988) diderivasikan sebagai rumus yang terpisah dengan proses AN, yakni nasal velar /ŋ/ secara langsung digugurkan di sempadan awalan apabila diikuti konsonan sonoran. Namun begitu, rumus PN dibina semula dalam makalah ini kerana pengkaji beranggapan bahawa proses PN merupakan proses yang berkaitan dengan proses AN, iaitu pengaplikasian rumus PN selepas operasi proses atau rumus AN. Bentuk rumus PN adalah seperti yang berikut:

12. Rumus Pengguguran Nasal

$$\begin{array}{ccc}
 \text{K} & \rightarrow \emptyset / \text{---} + & \text{K} \\
 [+nasal] & & [+sonoran] \\
 & & (\text{'+' Sempadan awalan})
 \end{array}$$

Rumus 12 menjelaskan bahawa konsonan nasal digugurkan apabila diikuti konsonan sonoran di sempadan awalan. Untuk menjelaskan aturan rumus PN dengan rumus AN, proses pembentukan ketiga-tiga kata terbitan yang ditemui dalam LMA adalah seperti yang berikut:

Jadual 10 Proses penerbitan perkataan yang melibatkan pengguguran nasal.

Bentuk dalaman	/məŋ+rindu/	/məŋ+radʒuk/	/məŋ+wani/
Asimilasi Nasal	mənɾindu	mənradʒuk	məmwanjɪ
Pengguguran Nasal	mərindu	məradʒuk	məwanjɪ
Bentuk permukaan	[məɾindu]	[məradʒoʔ]	[məwanjɪ]

Berdasarkan Jadual 10, bentuk dalaman /məŋ+rindu/, /məŋ+radʒuk/ dan /məŋ+wani/ menjalani AN bagi mendapatkan konsonan nasal yang berasimilasi dengan konsonan sonorant yang mengikuti nasal. Hasilnya, nasal velar /ŋ/ berubah menjadi nasal yang berhomorganik dengan konsonan sonorant menghasilkan bentuk /mənɾindu/, /mənradʒuk/ dan /məmwanjɪ/. Selanjutnya, bentuk /mənɾindu/, /mənradʒuk/ dan /məmwanjɪ/ menjalani proses PN yang menggugurkan segmen nasal di sempadan awalan dan masing-masing menghasilkan bentuk permukaan [məɾindu], [məradʒoʔ] dan [məwanjɪ]. Bentuk permukaan yang terhasil mengikut realisasi yang dihasilkan dalam lagu *Seri Sarawak*, *Makan Sirih* dan *Damak*.

Penyisipan Farinks

Berdasarkan 10 LMA yang di analisis, kajian telah menemui satu perkataan yang boleh dikaitkan dengan proses penyisipan glotis, iaitu kata “taatkan” yang terdapat dalam lagu *Damak* kerana wujud gugusan vokal identikal dalam kata dasar berkenaan. Jika mengikut prinsip proses penyisipan glotis yang dikemukakan oleh Farid (1980), gugusan vokal identikal dalam kata “taatkan” akan menerima sisipan hentian glotis [ʔ]. Namun begitu, analisis ini tidak menganggap perkataan berkenaan menjalani proses penyisipan glotis. Status kata dasar /taat/ → [taʔat] merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab. Bentuk kata yang sama pernah dijelaskan dalam Yunus (1980) bahawa simbol farinks [ʕ]⁵ merupakan simbol yang digunakan bagi bunyi [ʕ] atau ain seperti /dʒumaat/ → [dʒumaʔāt] dan /alam/ → [ʕālam].

Sebaliknya, makalah ini mencadangkan segmen yang disisipkan dalam kata “taatkan” ialah segmen farinks mencipta bentuk permukaan [taʕātkan]. Hal ini seiring dengan Tajul Aripin (2007) bahawa penyisipan yang berlaku dalam kata dasar ialah penyisipan farinks. Penyisipan farinks telah menyebabkan vokal yang mengikuti segmen farinks menjadi vokal nasal. Perkara berkenaan tergambar dalam nyanyian lagu *Damak* kerana

penelitian mendapati bahawa vokal yang mengikuti segmen yang disisipkan di tengah kata dasar turut mengalami nasalisasi vokal seperti /taatkan/ → [taʕãtkan]. Sedangkan, vokal dalam BMS menjadi vokal nasal kerana dipengaruhi oleh segmen nasal (Farid, 1980).

Pengamatan cara sebutan segmen mendapati bahawa hentian glotis [ʔ] yang muncul melalui proses pengglotisan apabila udara disekat di pita suara, dan udara tidak dilepaskan seperti dalam perkataan /tak/ → [taʔ], /anak/ → [anaʔ] dan /tapak/ → [tapaʔ] yang diambil daripada lagu *Seri Sarawak* dan *Damak*. Glotis yang terhasil melalui penyisipan pula mengambil peranan sebagai onset bagi vokal yang mengikutinya. Penghasilan bunyi hentian glotis dalam situasi berkenaan apabila udara disekat di pita suara dan dilepaskan sepenuhnya melalui rongga oral seperti contoh yang diberikan oleh Farid (1980), iaitu /məŋ+gula-iʔ/ → [məŋgulaʔi] dan /kə+mara-an/ → [kəmaraʔan].

Namun begitu, segmen yang disisipkan di antara vokal identikal /aa/ di tengah kata /taatkan/ menunjukkan cara penghasilan yang berbeza. Nyanyian lagu *Damak* memberikan gambaran bahawa sebutan segmen yang disisipkan terhasil dengan menyekat udara di pita suara dan udara dilepaskan melalui rongga hidung dan rongga oral. Hal berkenaan menjelaskan terdapat penyengauan ketika menghasilkan segmen yang disisipkan. Cara penghasilan ini merujuk konsonan pinjaman farinks [ʕ] dalam BMS yang mempunyai fitur [+nasal] (Tajul Aripin, 2007).

Oleh yang demikian, cara penghasilan segmen yang disisipkan telah menjelaskan bahawa proses penyisipan dalam kata /taatkan/ → [taʕãtkan] yang terdapat dalam lagu *Damak* ialah proses penyisipan farinks. Udara yang melalui rongga oral dan rongga hidung menghasilkan bunyi sengau. Seterusnya, vokal yang mengikuti konsonan farinks menjadi vokal nasal secara progresif menghasilkan bentuk permukaan [taʕãtkan]. Oleh itu, proses penyisipan farinks untuk kata pinjaman bahasa Arab dinyatakan dalam bentuk rumus seperti yang berikut.

13. Rumus Penyisipan Farinks

$$\emptyset \rightarrow \text{ʕ} / \text{V} _____ \text{V}$$

(Tajul Aripin, 2007)

Rumus (13) menjelaskan bahawa segmen farinks [ʕ] disisipkan di antara dua vokal pada lingkungan kata dasar. Rumus penyisipan farinks ini hanya terlaksana untuk kata pinjaman bahasa Arab sahaja.

Proses Penyisipan Geluncuran

Berdasarkan Farid (1980), geluncuran [j] dalam BMS disisipkan di antara gugusan vokal yang didahului oleh vokal tinggi /i/. Geluncuran [w] pula disisipkan seandainya vokal tinggi /u/ mendahului gugusan vokal.⁶ Proses berkenaan dikenali sebagai proses penyisipan geluncuran (PGL). Proses PGL BMS hanya berlaku pada lingkungan kata dasar dan sempadan akhiran (Farid, 1980; Zaharani, 1993, 2014). Contoh yang memerikan proses PGL dalam BMS adalah seperti yang berikut:

14. Penyisipan geluncuran dalam bahasa Melayu standard

		Bentuk Tulisan
a. /tiap/	[tijap]	tiap
b. /dia/	[dijə]	dia
c. /tiup/	[tijop]	tiup
d. /buah/	[buwah]	buah
e. /bənua/	[bənuwə]	benua
f. /buih/	[buweh]	buih
g. /bantu-an/	[bantuwan]	bantuan
h. /udʒi-an/	[udʒijan]	ujian
i. /tiru-an/	[tiruwan]	tiruan

(Farid, 1980, p. 50)

Kata dasar BMS dalam Contoh 14 (a-f) direalisasikan dalam ujaran dengan menyisipkan geluncuran di antara dua vokal yang didahului vokal tinggi. Geluncuran [j] disisipkan di antara dua vokal yang didahului oleh vokal tinggi /i/ seperti /tiap/ → [tijap], dan /dia/ → [dijə]. Geluncuran [w] disisipkan di antara dua vokal yang didahului oleh vokal tinggi /u/ dalam contoh /buah/ → [buwah] dan /buih/ → [buweh]. Selain PGL pada peringkat kata dasar, geluncuran turut disisipkan di sempadan akhiran, iaitu di antara vokal tinggi di akhir kata dan vokal pada imbuhan akhiran /-an/. Misalnya, dalam Contoh 14. (g) dan 14. (h) masing-masing memerikan geluncuran [j] dan [w] disisipkan di antara dua vokal di sempadan akhiran yang didahului vokal tinggi /i/ dan /u/ menghasilkan bentuk permukaan [bantuwan] dan [udʒijan].

Penyisipan geluncuran diterjemahkan dalam bentuk rumus seperti Rumus (15). Rumus (15) menjelaskan bahawa geluncuran [j] dan [w] disisipkan di antara dua vokal yang didahului oleh vokal tinggi /i/ dan /u/.

15. Rumus Penyisipan Geluncuran

$$\emptyset \rightarrow \left[\begin{array}{l} - \text{silabik} \\ - \text{konsonantal} \\ + \text{tinggi} \\ \alpha \text{ depan} \\ \beta \text{ belakang} \end{array} \right] / \left[\begin{array}{l} \text{V} \\ + \text{tinggi} \\ \alpha \text{ depan} \\ \beta \text{ belakang} \end{array} \right] \text{ — V}$$

(Farid, 1980, p. 78)

Analisis yang dijalankan terhadap LMA mendapati bahawa perkataan yang dapat dikaitkan dengan proses PGI [w, j] adalah daripada jenis kata dasar. Hal ini bermaksud LMA hanya melibatkan proses PGI [w, j] pada lingkungan kata dasar. Proses PGI dalam LMA dapat dikatakan mempunyai bentuk yang serupa dengan BMS. Misalnya, geluncuran palatal [j] disisipkan di antara dua vokal yang didahului oleh vokal tinggi /i/ pada lingkungan kata dasar seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 11.

Berdasarkan Jadual 11, perkataan yang dapat dikaitkan dengan proses PGI palatal [j] hanya terkandung dalam empat buah LMA. Lagu *Seri Sarawak*, *Lela Manja* dan *Embun Menitik* yang masing-masing memberikan satu perkataan seperti /siaŋ/ → [sijaŋ], /sətiap/ → [sətijaŋ] dan /biar/ → [bijar], manakala lagu *Siti Payung* pula mempunyai tiga perkataan seperti /niat/ → [nijaŋ], /siapa/ → [sijaŋ] dan /tiuplah/ → [tijaŋ]. Pengamatan terhadap empat buah LMA telah menunjukkan bahawa perkataan yang tersenarai dalam Jadual 11 dibunyikan dengan jelas mengandungi geluncuran palatal di antara dua vokal yang di dahului vokal tinggi [i] seperti /siaŋ/ → [sijaŋ] dalam lagu *Seri Sarawak* dan /tiuplah/ → [tijaŋ] dalam lagu *Siti Payung*. Oleh yang demikian, realisasi dalam nyanyian dapat dihuraikan dengan Rumus (15) yakni geluncuran palatal [j] disisipkan di antara dua vokal yang didahului oleh vokal tinggi /i/ pada lingkungan kata dasar.

Selain itu, geluncuran bilabial [w] disisipkan di antara vokal belakang tinggi /u/ dan vokal lain dalam gugusan vokal kata dasar. Senarai penuh perkataan diberikan dalam Jadual 12.

Berdasarkan Jadual 12, terdapat lapan perkataan yang didapati menjalani proses PGI bilabial [w]. Empat perkataan diperoleh daripada lagu *Seri Sarawak* seperti /luas/ → [luwas], /puas/ → [puwas], /tuan/ → [tuwan] dan /məŋ+ɟual/ → [məŋɟuwal]. Perkataan /haluan/ → [haluwan] dan /kuasa/ → [kuwasə] pula terdapat dalam lagu *Siti Payung*, manakala /di+buat/ →

[dibuwat] dan /buah-lah/ → [buwahlah] masing-masing diperoleh daripada lagu *Lela Manja* dan *Makan Sirih*. Penelitian terhadap nyanyian lagu *Seri Sarawak*, *Siti Payung*, *Lela Manja* dan *Makan Sirih* mendapati bahawa penyanyi telah menyebut dengan jelas bunyi geluncuran [w] di antara dua vokal yang didahului oleh vokal tinggi [u]. Oleh itu, proses PGI bilabial [w] yang terdapat dalam LMA masih dapat dijelaskan dengan baik menggunakan Rumus (15).

Jadual 11 Penyisipan geluncuran palatal [j] dalam lagu Melayu asli.

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama Lagu
siang	/siaŋ/	[sijaŋ]	<i>Seri Sarawak</i>
setiap	/sətiap/	[sətiʝap]	<i>Lela Manja</i>
biar	/biar/	[biʝar]	<i>Embun Menitik</i>
niat	/niat/	[niʝat]	<i>Siti Payung</i>
siapa	/siapa/	[siʝapə]	
tiuplah	/tiuplah/	[tiʝoplah]	

Jadual 12 Penyisipan geluncuran bilabial [w] dalam LMA.

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama Lagu
luas	/luas/	[luwas]	<i>Seri Sarawak</i>
puas	/puas/	[puwas]	
tuan	/tuan/	[tuwan]	
menjual	/mənʝ+ɟʝual/	[mənʝɟʝuwal]	
dibuat	/di+buat/	[dibuwat]	<i>Lela Manja</i>
buahlah	/buah-lah/	[buwahlah]	<i>Makan Sirih</i>
haluan	/haluan/	[haluwan]	<i>Siti Payung</i>
kuasa	/kuasa/	[kuwasə]	

Pengguguran Likuida Getaran

Dalam BMS, konsonan likuida getaran direalisasikan dalam bentuk fonetik apabila hadir pada posisi onset suku kata seperti kata /rasa/ → [rasə] dan /rugi/ → [rugɨ] serta berada pada lingkungan sempadan morfem (akhiran) dan menerima imbuhan akhiran vokal seperti /-i/ dan /-an/. Konsonan likuida getaran /r/ BMS digugurkan apabila berada pada posisi koda atau diikuti oleh konsonan. Penghilangan segmen likuida getaran /r/ diistilahkan sebagai pengguguran likuida getaran (PLG). Contoh perkataan yang memerikan PLG dalam BMS adalah seperti yang berikut:

16. Contoh pengguguran likuida getaran dalam bahasa Melayu standard.

a. /kisar/	[kisa]	“kisar”
b. /kisar-kan/	[kisakan]	“kisarkan”
c. /kertas/	[kətəs]	“kertas”
d. /bər+kata/	[bəkətə]	“berkata”
e. /bər+dəbat/	[bədəbat]	“berdebat”
f. /tər+duduk/	[tədudɔʔ]	“terduduk”
g. /pər+mandi-an/	[pəmandijan]	“pemandian”

(Farid, 1980, p. 16)

Berdasarkan Contoh 16, proses PLG dalam bentuk dasar BMS dapat dirujuk menerusi contoh /kisar/ → [kisa] (gugur likuida getaran di akhir kata) dan perkataan /kertas/ → [kətəs] (gugur likuida getaran apabila diikuti oleh konsonan). Proses PLG juga terjadi di sempadan morfem, iaitu likuida getaran digugurkan dalam ujaran BMS apabila diikuti konsonan di sempadan imbuhan awalan (seperti /bər+kata/ → [bəkətə], /bər+dəbat/ → [bədəbat], /tər+duduk/ → [tədudɔʔ], dan /pər+mandi-an/ → [pəmandijan]) dan di sempadan imbuhan akhiran seperti contoh /kisarkan/ → [kisakan]. Proses PLG BMS dinyatakan dalam bentuk Rumus (17). Rumus (17) yang dikemukakan oleh (1980) menjelaskan bahawa konsonan likuida getaran /r/ digugurkan apabila hadir di akhir kata (#) atau diikuti konsonan (K).

17. Rumus Pengguguran Likuida Getaran

$$r \rightarrow \emptyset / \text{---} \left[\begin{array}{c} \# \\ K \end{array} \right]$$

(Farid, 1980, p. 16)

Penelitian terhadap LMA mendapati bahawa wujud perilaku yang berbeza daripada BMS. Hal ini demikian kerana likuida getaran /r/ di koda suku kata tidak digugurkan dalam nyanyian. Contohnya seperti Jadual 13.

Jadual 13 Konsonan likuida getaran [r] pada posisi koda dan sempadan akhiran.

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama Lagu
lajar	/lajar/	[lajar]	<i>Seri Banang</i>
biar	/biar/	[bijar]	<i>Embun Menitik</i>
air	/air/	[aer]	
johorlah	/dʒohor-lah/	[dʒohorlah]	<i>Gunung Pantii</i>
pagarkan	/pagar-kan/	[pagarkan]	
pergilah	/pərgi-lah/	[pərgilah]	<i>Seri Kedah</i>
pergi	/pərgi/	[pərgi]	<i>Seri Sarawak</i>

Berdasarkan Jadual 13, terdapat tiga perkataan yang dinyanyikan dalam LMA yang memperlihatkan kehadiran fonem getaran /r/ di akhir kata seperti /lajar/→ [lajar] dalam lagu *Seri Banang*, /biar/→ [bijar], dan /air/→ [aer] dalam lagu *Embun Menitik*. Penyanyi lagu *Seri Banang* dan *Embun Menitik* dikenal pasti tidak menggugurkan getaran /r/ di akhir kata dan sebaliknya membunyikan fonem getaran [r] pada lingkungan yang dinyatakan dengan jelas dalam nyanyian. Oleh yang demikian, berdasarkan contoh kata /lajar/→ [lajar], /biar/→ [bijar], dan /air/→ [aer] yang dinyanyikan dalam lagu *Seri Banang* dan *Embun Menitik*, proses PLG BMS tidak terpakai dalam lagu tersebut kerana likuida getaran [r] tidak digugurkan di akhir kata.

Selain itu, Jadual 13 turut memuatkan dua perkataan yang mewakili kehadiran likuida getaran /r/ diikuti konsonan di tengah kata. Perkataan yang dimaksudkan ialah perkataan /pərgi/→ [pərgi] dan /pərgi-lah/→ [pərgilah] yang dinyanyikan dalam lagu *Seri Sarawak* dan *Seri Kedah*. Pengamatan yang dilakukan dengan mendengar sebutan konsonan, nyanyian lagu *Seri*

Sarawak dan *Seri Kedah* didapati membunyikan dengan jelas getaran [r] yang diikuti konsonan di tengah kata. Oleh itu, berdasarkan sebutan perkataan /pərgi/→ [pərgi] dan /pərgi-lah/→ [pərgilah], getaran [r] tidak mengalami pengguguran apabila hadir di tengah kata dan diikuti oleh konsonan.

Seterusnya, kehadiran likuida getaran [r] di sempadan akhiran diperlihatkan dalam Jadual 13 berdasarkan perkataan /dʒohor-lah/→ [dʒohorlah] serta /pagar-kan/→ [pagarkan]. Kedua-dua perkataan berkenaan dinyanyikan dalam lagu *Gunung Panti*. Pemerhatian secara terperinci terhadap nyanyian lagu *Gunung Panti* mendapati bahawa penyanyi membunyikan konsonan likuida getaran pada lingkungan sempadan akhiran. Oleh yang demikian, berdasarkan realisasi konsonan likuida getaran [r] dalam nyanyian lagu *Gunung Panti*, likuida getaran /r/ dapat dikatakan tidak digugurkan apabila diikuti konsonan di sempadan akhiran seperti dalam sebutan perkataan /dʒohor-lah/→ [dʒohorlah] serta /pagar-kan/→ [pagarkan]. Selanjutnya, contoh yang menjelaskan kehadiran likuida getaran [r] pada lingkungan sempadan awalan diberikan dalam Jadual 14.

Jadual 14 Konsonan likuida getaran [r] di sempadan awalan dan diikuti oleh konsonan.

Bentuk Tulisan	Bentuk Dalaman	Bentuk Permukaan	Nama lagu
terkenang-kenang	/tər+kənaŋ-kənaŋ/	[tərkənaŋkənaŋ]	<i>Seri Sarawak</i>
bertentanglah	/bər+təntaŋ-lah/	[bərtəntaŋlah]	<i>Gunung Panti</i>
bersama	/bər+sama/	[bərsamə]	<i>Makan Sirih</i>
berkasih	/bər+kasih/	[bərkasəh]	
terletak	/tər+lətək/	[tərlətəkʔ]	<i>Damak</i>
bersungguh	/bər+sunɡuh/	[bərsunɡoh]	<i>Embun Menitik</i>
berderai	/bər+dərai/	[bərdəraj]	<i>Seri Banang</i>
terkenangkan	/tər+kənaŋ-kan/	[tərkənaŋkan]	
bertali	/bər+tali/	[bərtali]	
berganti	/bər+ganti/	[bərganti]	<i>Siti Payung</i>
berderai	/bər+dərai/	[bərdəraj]	
bercerai	/bər+ʃərai/	[bərfəraj]	

Hal yang sama didapati berlaku pada lingkungan sempadan awalan, contohnya enam perkataan yang diambil daripada lagu *Gunung Panti*, *Makan Sirih*, *Damak*, *Embun Menitik*, *Seri Banang* dan *Siti Payung* seperti /bər+təntəŋ-lah/ → [bərtəntəŋlah], /bər+kasih/ → [bəkaseh], /tər+lətək/ → [tərləta/], /bər+sungguh/ → [bərsungoh], /bər+tali/ → [bərtali], dan bər+dərai/ → [bərdəraj]. Penelitian terhadap lagu yang dinyatakan mendapati bahawa likuida getaran /r/ yang berada di sempadan awalan tidak mengalami pengguguran. Likuida getaran [r] yang mengisi posisi koda imbuhan awalan /bər-/ di sempadan awalan dalam perkataan /bər+kasih/ → [bəkaseh] tidak mengalami penghilangan segmen, malah konsonan berkenaan disebut dengan jelas dalam nyanyian lagu *Makan Sirih*.

Oleh yang demikian, berdasarkan pemaparan data, dapatlah disimpulkan bahawa penyanyi memilih untuk membunyikan likuida getaran [r] dalam nyanyian LMA. Sifat pilihan berkait rapat dengan proses PLG itu sendiri yang dijelaskan sebagai rumus yang menggugurkan likuida getaran /r/ secara pilihan (Farid, 1980) atau rumus yang opsyenal (Teoh, 1994; Yunus, 1980) iaitu terdapat penutur BMS yang menggugurkan atau mengujarkan likuida getaran [r] dalam tuturan seharian mereka.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa teori Fonologi Generatif Linear yang dipraktikkan (melalui penyesuaian dan penambahbaikan rumus asal BMS) dalam analisis didapati masih mampu memberikan penjelasan dalam memerikan fenomena bahasa yang dikenal pasti terkandung dalam LMA. Analisis linear yang dijalankan ini telah mengenal pasti sebanyak enam proses fonologi segmen konsonan dalam nyanyian LMA. Nyanyian LMA didapati akur dengan rumus fonologi bahasa Melayu standard seperti proses pengglotisan, asimilasi nasal, pengguguran obstruen tak bersuara, pengguguran nasal, dan penyisipan geluncuran. Penyanyi lagu *Damak* pula memilih untuk mengekalkan sebutan asal kata pinjaman bahasa Arab seperti /taatkan/ yang menjalani penyisipan farinks di antara dua vokal dalam kata dasar.

Di samping itu, penyanyi LMA didapati cenderung untuk membunyikan konsonan likuida getaran /r/ pada posisi koda. Realisasi konsonan likuida getaran /r/ dalam nyanyian LMA memperlihatkan pengaruh bahasa Melayu sebutan baku dalam nyanyian berikutan dalam konteks di Malaysia hanya bahasa Melayu sebutan baku yang membunyikan likuida getaran mengikut nilai ejaan atau secara fonemik. Tambahan lagi, analisis proses penengahan

vokal rendah /a/ yang dijalankan oleh Khairul Faiz dan Tajul Aripin (2018) menjelaskan bahawa LMA mencerminkan penggunaan bahasa Melayu Standard kerana vokal rendah /a/ di akhir kata disebut dalam nyanyian sebagai vokal *schwa* [ə]. Hal berkenaan memperkukuh dapatan analisis dalam makalah ini bahawa LMA memperlihatkan campuran penggunaan bahasa Melayu standard dan bahasa Melayu sebutan baku dalam nyanyian.

NOTA

1. Perkataan /ambil/ [ambeʔ] menunjukkan perubahan konsonan likuida lateral /l/ menjadi hentian glotis [ʔ]. Perubahan yang berlaku hanya terdapat dalam lagu *Seri Banang* sahaja dan kajian ini menganggap realisasi yang terbentuk berunsur idiolek. Oleh itu, perubahan yang berlaku tidak disentuh dalam analisis.
2. Rujuk Yeoh (1988) untuk mengetahui lebih lanjut mengapa bentuk nasal neutral dan nasal opsyenal tidak sesuai dipilih sebagai bentuk dalaman.
3. Imbuhan awalan /məŋ-/ merupakan imbuhan kata kerja dan para sarjana linguistik Melayu memberikan bentuk dalaman yang berbeza-beza. Antara bentuk dalaman yang menjadi pilihan adalah /məŋ-/ (Arbak, 1983; Nik Safiah, Farid, Hashim, & Abdul Hamid, 2015), /məŋ-/ (Asmah, 2015b) dan /məŋ-/ (Farid, 1980; Yeoh, 1988). Pemilihan bentuk dalaman /məN-/ oleh Arbak (1983) dan Nik Safiah *et al.* (2015) merupakan satu bentuk yang mengandungi huruf besar N bagi melambangkan segmen nasal neutral. Asmah (2015b) memilih bentuk dalaman /mə(N)-/ iaitu huruf besar N diletakkan dalam kurungan bagi menjelaskan segmen nasal opsyenal yang bersifat fonemik sebagai penanda aktif. Farid (1980) dan Yeoh (1988) pula memilih bentuk /məŋ-/ iaitu bentuk dalaman yang diakhiri segmen nasal velar.
4. Proses pembentukan kata dalam Jadual 4 turut melibatkan rumus perendahan vokal tinggi. Namun begitu, rumus berkenaan tidak dimuatkan atau disentuh dalam jadual kerana hanya menumpukan ketertiban rumus AN dan POTB.
5. Yunus (1980) menggunakan simbol [ʔ] merujuk hentian glotis dan farinks.
6. Terdapat pendapat lain yang menjelaskan bahawa kehadiran geluncuran [j] dan [w] di antara dua vokal yang didahului vokal tinggi merupakan hasil penyebaran geluncuran melalui penyebaran fitur tinggi ke gatra K kosong (Tajul Aripin, 2000, 2007; Zaharani, 2014). Tajul Aripin (2007) menjelaskan bahawa proses penyebaran geluncuran terjadi dalam kata dasar dan sempadan imbuhan (awalan dan akhiran). Misalnya, bagi perkataan /diam/, vokal tinggi menyebarkan fitur [+tinggi] ke gatra K kosong yang wujud di antara rangkap vokal membentuk geluncuran [j] dan menghasilkan bentuk permukaan [dijam]. Implikasi analisis yang sedemikian telah menolak secara sepenuhnya geluncuran daripada senarai fonem BMS. Hal ini demikian kerana geluncuran yang hadir pada posisi onset suku kata turut dianggap pada dasarnya sebagai vokal tinggi. Disebabkan syarat onset yang hanya boleh diisi oleh segmen konsonan, vokal tinggi berkenaan membentuk geluncuran [w, j]. Misalnya, bentuk dalaman bagi perkataan "wang" ialah /uaŋ/. Vokal tinggi menjadi atau dikenali sebagai geluncuran kerana berada pada posisi onset seperti bentuk permukaan [waŋ] (Tajul Aripin, 2007). Namun begitu, kajian ini melihat perbezaan yang wujud disebabkan pendekatan yang berbeza antara

teori fonologi generatif linear dan tak linear. Oleh itu, pendapat kewujudan geluncuran melalui proses PGI masih dikekalkan dalam makalah ini seiring dengan pendekatan yang digunakan dalam kajian.

RUJUKAN

- Arbak Othman. (1983). *Permulaan ilmu linguistik: Satu pengenalan konsep dan bidang kajian teoris*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Arif Ahmad. (2005). Pemikiran tradisi Melayu dalam lagu ciptaan P. Ramlee. In *P. Ramlee di cakra nusantara*. Kota Semarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Aripin Said. (2004). *Nyanyian rakyat khazanah bangsa yang hilang*. Kuala Lumpur: Jabatan kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015a). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015b). *Nahu Melayu mutakhir*. (5th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf. (1989). *Bahasa Melayu baku: Asas pembentukan tamadun*. Kuala Lumpur: Sasbadi.
- Awang Sariyan. (2005). *Tuntunan bahasa: Asas pegangan pelajar*. Pearson Malaysia.
- Chomsky, N., & Halle, M. (1968). *The sound pattern of English*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Collins, J. T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn. (1980). *Aspect of Malay phonology and morphology: A generative approach*. Bangi: UKM.
- Frey, L., Botan, C., & Kreps, G. (1999). *Investigating communication: An introduction to research methods* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Ibrahim Ahmad. (2004). Muzik kontemporari sebagai alat pembentukan nilai dalam komuniti: Ke mana hala tuju kita? In Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). Unpublished. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/1853>
- Indirawati Zahid. (2006). 4 minit 19 saat Dealova yang mengasyikkan. In Prosiding persidangan antarabangsa pengajian Melayu.
- Ismail Ahmed, & Ab Samad Kechot. (2015). Lagu Melayu asli: Unsur sinkretisme dalam instrumentasi persembahan. *Jurnal Melayu*, 14(2), 307–327.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Faiz Alimi, & Tajul Aripin Kassin. (2018). Proses penengahan vokal rendah /a/ dalam lagu Melayu Asli. *Jurnal Linguistik*, 22(1), 049–061.

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Amirah Che Soh, & Che Ibrahim Salleh. (2014). Keindahan bahasa dalam lirik lagu P. Ramlee. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(1), 103–111.
- Nurmaisara Zaaba, Nursuriati Jamil, Siti Salwa Salleh, & Nurul Hamimi Abdul Rahman. (2011). Investigating ornamentation in Malay traditional, asli music. In WSEAS International Conference on Arts and Cultural (ICAC'11) (pp. 46–52). Retrieved from <https://goo.gl/7Ey8JD>
- Rahmah Bujang. (2006). Seni lagu Melayu tradisi: Jambatan penyatuan orang Melayu. In Rogayah A. Hamid & Jumaah Illias (Eds.), *Lagu rakyat: Memupuk kesantunan Melayu* (pp. 215–240). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafa'atussara Silahudin. (2010). Nyanyian Melayu asli sebagai warisan manifestasi kesenian Melayu: Tumpuan pandangan pemikir-pemikir budaya. In *Monograf Jabatan Kesenian Melayu* (pp. 103–114). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Shafa'atussara Silahudin. (2013). Nyanyian Melayu asli: Vokalisasi serta peranan korda vokal dan larinks. In Mohd Kipli Abdul Rahman, Nazarudin Zainun, & Rahimah A. Hamid (Eds.), *Kearifan tempatan: Pengalaman nusantara - Meneliti kosmologi adat istiadat* (Vol. 2, pp. 27–37). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tajul Aripin Kassin. (2000). *The phonological word in standard Malay* (Unpublished Thesis PhD). University of Newcastle.
- Tajul Aripin Kassin. (2007). Penyebaran Geluncuran dan Penyisipan Hentian Glotis dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Autosegmental. *Jurnal Bahasa*, 7(1), 142–158.
- Teoh Boon Seong. (1994). *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yeoh Chiang Kee. (1988). Kajian semula tentang morfem dasar penanda aktif dalam bahasa Melayu. In Farid M. Onn (Ed.), *Bunga rampai fonologi bahasa Melayu* (pp. 132–143). Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Yunus Maris. (1980). *The Malay sound system*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (2014). *Aspek fonologi bahasa Melayu: Daripada derivasi rumus kepada tatatingkat keangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (received): 10 April 2018

Diterima (accepted): 31 Oktober 2018